

JANGAN CUBA MENGENG HASUT

1007 - 6 MAY 1987

KUALA LUMPUR 5 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Dasar Pandang ke Timur akan diteruskan dan meminta jangan ada cubaan menghasut bumiputera menentang dasar tersebut.

Perdana Menteri berkata: "Kerajaan tidak akan membatalkan Dasar Pandang ke Timur, sebaliknya kerajaan berpendapat bahawa dasar ini tepat dan sudah pun mendatangkan hasil yang sewajarnya."

Serentak dengan itu beliau mencadahkan projek Dayabumi fasa tiga yang siap dibina yang menjadi tumpuan ramai bukan saja keindahannya tetapi juga ia telah dijadikan satu simbol oleh satu golongan yang ingin menggagalkan Dasar Pandang ke Timur kerajaan.

"Saya telah berkali-kali menegaskan Dasar Pandang ke Timur tidak bermakna memberi kontrak atau menda-pat bekalan dari negara-negara Timur, tetapi dasar itu adalah untuk mempelajari dari negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan mengenai etika kerja, cara-cara mengurus dan apa juga teknologi yang boleh didapati dari mereka," tegas beliau.

Berucap merasmikan projek tersebut yang siap dalam masa 26 bulan, Datuk Sri Dr. Mahathir dalam menyangkal bebrapa dakwaan tentang dasar itu antaranya menyebutkan:

bil kira dalam menentukan dan kontrak yang berpecah-siapa yang memenangi pecah tender.

"Sebenarnya bukan saja Kerajaan Dermaga Pelabuhan Kuantan, hampir \$200 juta kan kriteria ini tetapi pihak swasta juga menggunakan kriteria ini kerana kelewatan pembi-aitan dengan Dasar Pan- dang ke Timur," tegasnya.

Menurut beliau, kerajaan berpuashati dengan penyia-panprojek Dayabumi fasa

Selain dari itu, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, Der- telah diambil kira bukan maga' Pasir Gudang pula saja syarat masa iaitu siap dalam 26 bulan, tetapi mutu- kerja amat baik, latihan di- beri kepada pekerja-pekerja tempatan dan firma bumi-putera dapat memainkan bermacam -macam sebab.

Oleh itu kita cubakan sistem turnkey di mana pro- jek Dayabumi telah siap se- dia dalam masa yang dijan- sanakan mengikut sistem 'turnkey' kerana kerajaan telah mengalami kerugian dengan menggunakan sistem lama iaitu perunding

berkesannya sistem turnkey itu," tegasnya.

Menurut beliau, siapnya bangunan ini mengikut jadual bermakna ia dapat disewakan dengan lebih awal di mana biasanya bangunan seperti itu akan mengambil masa empat tahun untuk di- bina.

"Ini bermakna kerugian sewa sebanyak 22 bulan me- libatkan kira-kira \$2.3 juta sebulan.

"Oleh kerana projek ini siap 22 bulan lebih awal, maka ia menyelamatkan pendapatan kira-kira seba- nyak \$50.6 juta," kata Da- tuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau juga diberitahu peruntukan 'contingency' sebanyak \$20 juta tidak dig- unakan oleh kontraktor akan dipulangkan balik kepada pemilik bangunan itu iaitu, UDA.

● Sejak Dasar Pandang ke Timur dilaksanakan ramai pelatih negara ini telah diterima oleh Kerajaan Jepun dan Korea dan firma-firma mereka melalui skim dan biasiswa latihan yang teratur dan tersusun.

● Dasar Ekonomi Baru juga dihormati oleh syarikat - syarikat dari negara - negara Timur itu;

● Kerajaan berpuashati bahawa pemindahan teknologi adalah salahsatu daripada pemberian kontrak kepada kontraktor asing khususnya dari Jepun dan Korea Selatan;

● Projek Dayabumi fasa tiga telah mencatat beberapa rekod antaranya telah dapat disiapkan dalam masa yang cepat dan menitikberatkan soal keselamatan dengan menggunakan jaring dan lain-lain alat keselamatan yang kemas seperti dalam pembinaan bangunan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir mahu jika ada masalah atau kejadian di mana pihak asing tidak mematuhi syarat atau tidak memberi luyanan yang wajar, maka pihak - pihak yang bertanggungjawab hendaklah diberitahu dan masalah diselesaikan secara rundingan.

"Tetapi janganlah kita bersikap sensitif sehingga tidak boleh ditegur sama sekali walaupun kita bersalah. Saya dapati banyak kesalahan yang dilakukan berkali-kali kerana kita tidak suka mengur kerana takut terentak hati," katanya.

Beliau berkata, walaupun banyak daripada firma-firma tempatan menafikan adanya pemindahan teknologi tetapi hakikatnya berbeza sekali dari dakwaan mereka.

Di Pulau Pinang, contohnya, sebuah syarikat bumiputera sekarang dapat mengeluarkan 'pre stressed concrete beam' yang terbesar sekali yang digunakan untuk pembinaan Jambatan Pulau Pinang.

Sebuah syarikat di Kuala Lumpur pula telah berjaya mengeluarkan 'curtain wall' untuk projek Dayabumi itu.

"Cara-cara mengurus projek besar telah juga dilaskan kepada Permodalan Nasional Berhad dan agensi - agensi kerajaan yang lain, sementara ramai jurutchnik, jurutera dan pekerja mahir yang dilatih di tempat kerja," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kontrak-kontrak yang dimenangi oleh kontraktor asing khususnya Jepun dan Korea Selatan adalah kerana tawaran mereka yang didapati terbaik sekali setelah mengambil kira semua aspek.

Sistem yang digunakan untuk pembinaan, mutu kerja dan lain-lain faktor termasuk masa mesti diam-